



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SIARAN AKHBAR

**PERKHIDMATAN PENGUJIAN MUDAH ALIH KE ATAS ALAT SUKAT DAN TIMBANG DI
TAMU KIANGGEH, PASAR TANI SELAYUN DAN PASAR GADONG**

1. Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) melalui Unit Sukatan dan Timbangan (SDT) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengungkayahkan Perkhidmatan Pengujian Mudah Alih ke atas alat sukat dan timbang di tiga (3) buah tempat iaitu Tamu Kianggeh, Pasar Tani Selayun dan Pasar Gadong.
2. Perkhidmatan Pengujian Mudah Alih yang telah dilaksanakan pada 9hb, 17hb, 21hb dan 28hb Mei 2025 merupakan inisiatif yang berterusan dengan menerapkan kaedah pendekatan mudah dan mesra pelanggan dalam menjaga hak pengguna. Di samping itu, ianya mempromosikan prinsip perniagaan yang telus dalam memastikan sebarang aktiviti sukat dan timbang yang bertujuan untuk perdagangan adalah mematuhi Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151 dan Peraturan-Peraturan (Penelitian) 1994.
3. Hasil daripada perkhidmatan berkenaan, Unit SDT telah mendaftarkan sebanyak seratus tujuh puluh tiga (173) unit alat sukat dan timbang. Para peniaga dan pengguna alat sukat dan timbang adalah dikehendaki untuk sentiasa mematuhi Peraturan-Peraturan (Penelitian) Alat-Alat Sukatan dan Timbangan 1994; di bawah seksyen 3 (2); setiap orang yang menggunakan atau ada pada miliknya untuk kegunaan perdagangan mana-mana timbangan, sukat alat-alat untuk menimbang yang tidak dicap sebagaimana yang dikehendaki oleh peraturan ini adalah bersalah.
4. Hukuman denda sebanyak BND1,000.00 atau penjara selama 3 bulan atau kedua-duanya sekali dan sebarang kontrak, tawar-menawar, jualan atau urusan dagang yang dibuat dengan timbangan, sukat atau alat untuk menimbang sedemikian adalah tidak sah.
5. Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Unit SDT melalui e-mel: sdt@mofe.gov.bn atau di talian 238 3142.

-TAMAT-

Disediakan oleh:

Unit Sukatan dan Timbangan (SDT), Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE),
Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

E-mel: sdt@mofe.gov.bn

Rujukan : (067) KKW/SDT/ENF/04
Tarikh : 17 Zulhijjah 1446 / 14 Jun 2025



**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PRESS RELEASE

**MOBILE STATION VERIFICATION SERVICE ON MEASURING AND WEIGHING MACHINES AT
TAMU KIANGGEH, PASAR TANI SELAYUN AND PASAR GADONG**

1. Industry and Business Ecosystem Division (IBE) through Weights and Measures Unit (SDT) under Ministry of Finance and Economy conducted a mobile station verification service in three (3) places at Tamu Kianggeh, Pasar Tani Selayun and Pasar Gadong.
2. The mobile station verification service carried out on 9th, 17th, 21st and 28th May 2025 is part of an ongoing initiative that adopts a customer-friendly approach to protect consumers and encourages local businesses to be more transparent and to ensure that they comply with the Weights and Measures Act, 1983 Chapter 151 and the stipulated guidelines under the Act.
3. During the mobile station verification service, SDT Unit registered one hundred and seventy three (173) units of weighing machine. Traders and users of weights and measures machine are required to comply as stipulated in the Weights and Measures (Verification) Regulations, 1994 under section 3(2); Every person who uses or has in his possession for use of trading of any weight, measure or instrument for weighing not stamped as required by this regulation shall be guilty of an offence.
4. The penalty for such offence is a fine of BND1,000.00 or imprisonment for three (3) months or both and instrument used for weighing will be forfeited. Any contract, bargain, sale or dealing made by such weight, measure or instrument for Weighing shall be void.
5. For any enquiries, the public may contact SDT Unit via email: sdt@mofe.gov.bn or contact at 238 3142.

-END-

Prepared by:
Weights and Measures Unit (SDT), Industry and Business Ecosystem Division (IBE),
Ministry of Finance and Economy.
E-mail: sdt@mofe.gov.bn

Reference: (067) KKW/SDT/ENF/04
Date: 17 Zulhijjah 1446 / 14th June 2025

**PERKHIDMATAN PENGUJIAN MUDAH ALIH KE ATAS ALAT SUKAT DAN TIMBANG DI
TAMU KIANGGEH, PASAR TANI SELAYUN DAN PASAR GADONG**



